

# DUA TUNJANG KEKEMAHAN

Bahan asal dari Akhbar  
Negara Malaysia

## Seri Paduka hurai asas membentuk negara gemilang

KUALA LUMPUR, Isnin — Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong bertitah, amalan toleransi dan kerjasama adalah tunjang keteguhan dan ketahanan rakyat ke arah membentuk sebuah negara yang gemilang dan bermahluh.

"Kita telah berjaya meletakkan asas kukuh ke arah melahirkan satu warga, satu bangsa dan satu budaya. Asas inilah kita membina sebuah negara Malaysia yang gemilang," titah Yang Di-Pertuan Agong lagi.

"Titah Seri Paduka Baginda: "Dengan kemajuan yang dicapai, kita sekarang akan menekankan dengan lebih hebat lagi usaha kita mengimbangi pembangunan jasmaniah dan pembangunan rohaniah."

### Nilai kebendaan

"Kita menyadari bahawasanya pembangunan mengisir peruk nalar rakyat, tanpa mengisir fikiran dan jiwa mereka bukanlah pembangunan yang lengkap," titah Yang Di-Pertuan Agong lagi.

Seri Paduka Baginda bertitah demikian di istiadat pembukaan Mesyuarat Penggal Pertama Parlimen Keenam di Bangunan Parlimen, hari ini.

Yang Di-Pertuan Agong selanjutnya bertitah, kekuatan sebuah negara tidak hanya bergantung kepada kekayaan

Oleh ZAINUDDIN AYIP & BUSTAMAM AHMAD

kebendaan semata-mata. "Negara yang mengukur kejayaannya dengan nilai kebendaan adalah sebuah negara yang tidak berjaya.

"Sudah menjadi hasrat kita membentuk sebuah negara yang bermahluh, yang duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara lain di dunia.

"Usaha ke arah ini memerlukan penggabungan tenaga antara ulama dan umara, dalam suasana musyawarah dan usrah," titah Yang Di-Pertuan Agong lagi.

Seri Paduka Baginda kemudian memuji usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke arah membentuk sebuah negara yang benar-benar dihormati dan disegani oleh masyarakat antarabangsa.

"Titah diraja selama 20 minit itu juga menyentuh kemesletan ekonomi dunia yang turut menjejaskan negara.

"Beta menyeru supaya rakyat bukan saja dapat memahami keadaan ini, malah berusaha menyesuaikan diri untuk sama-sama mengatasi kesan kemesletan ini.

"Hal ini haruslah dianggap sebagai satu cabaran kepada ketahanan kita, titah Seri Paduka Baginda lagi.

Yang Di-Pertuan Agong kemudian mengingatkan bahawa ada pihak-pihak tertentu, baik dalam

maupun luar negeri yang akan cuba mengeksploitasi keadaan kemesletan ini untuk mencapai hasrat dan kepentingan mereka.

"Kita sangat mahir dengan taktik dan strategi mereka-Oleh yang demikian, semua golongan adalah seharusnya mewujudkan keadaan yang membenarkan mana-mana pihak sekalipun menanang di air keruh," titah Seri Paduka Baginda lagi.

Dalam keadaan yang mencabar ini, Yang Di-Pertuan Agong bertitah, "Kita tidak boleh mengabaikan keperluan keselamatan negara.

### Keselamatan negara

"Usaha untuk mempermoden dan memperleengkapkan seluruh sistem pertahanan negara akan diteruskan. Beta berbangga dengan semangat wira yang ditunjukkan oleh pasukan keselamatan kita demi memperlahankan kedaulatan tanah air," titah Yang Di-Pertuan Agong lagi.

Seri Paduka Baginda selanjutnya menasifatkan, krisis merupakan satu ujian. "Di saat-saat inilah terujiannya kerelaan kita berkorban untuk kepentingan bersama," Ushahnya.

Seri Paduka Baginda menyeru semua pihak, baik di mana berada sama ada swasta maupun kerajaan, pemimpin maupun rakyat sama-sama berusaha mendukung semangat berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, hati kuman sama dicecah, hati gajah sama ditapih.



## Seri Paduka balas tabik Hormat Diraja

DI ATAS Istana Diraja, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong membalas tabik Hormat Diraja semasa kawalan kehormatan menyempahkan 'Hormat Diraja' di Bangunan Parlimen, semalam.

Di sebelah Seri Paduka Baginda ialah Raja Permaisuri Agong, manakala di barisan belakang, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam (tidak kelihatan), Datin Seri

Dr. Siti Hasmah dan Datin Maria Mansa. Semasa kawalan kehormatan menyempahkan 'Hormat Diraja', lagu NegaraKu dimainkan. Bendera Diraja dikibarkan dan meriam ditembakkan 21 das — Gambar Berita Harian oleh Khalid Redza.